

Tiada rakyat Malaysia terbabit dalam letupan paip gas di Mesir

April 14, 2022 @ 11:41pm



Bas yang terbabit dalam kemalangan di Mesir. - Foto EPA

PUTRAJAYA: Tiada rakyat Malaysia yang terkesan dalam dua insiden di Mesir iaitu letupan besar saluran paip gas di Nasr City, Kaherah pada Khamis dan kemalangan membabitkan sebuah bas di Aswan pada Rabu.

Kementerian Luar Negeri dalam mengesahkan hal ini berkata, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah telah berhubung dengan rakyat Malaysia, terutama pelajar yang menginap di sekitar Nasr City bagi memastikan keselamatan mereka.

Rakyat Malaysia juga dinasihatkan sentiasa berhati-hati dan menjaga keselamatan masing-masing, kata kementerian melalui kenyataan Khamis malam.

Mereka yang memerlukan bantuan konsular diminta menghubungi Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah di Mesir 21, Al Aanab Street, Mohandessine, Giza, atau hubungi melalui telefon: +201200276388 atau e-mel: mwcairo@kln.gov.my.

Menurut laporan media Mesir letupan berhampiran Al-Ahly Club di Nasr City menyebabkan kebakaran besar dan kemalangan bas dengan sebuah lori di Aswan pula menyebabkan 10 orang maut termasuk lima pelancong asing. - BERNAMA